



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR
MALAYSIAN INSTITUTE OF INDUSTRIAL TECHNOLOGY**

**FINAL EXAMINATION
JANUARY 2016 SEMESTER**

COURSE CODE : MPU 3113
COURSE TITLE : HUBUNGAN ETNIK
PROGRAMME LEVEL : BACHELOR
DATE : 20 MAY 2016
TIME : 9.00 AM – 12.00 PM
DURATION : 3 HOURS

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. This question paper consists of TWO (2) sections.
4. Answer ALL questions in Section A. Choose THREE (3) questions in section B.
5. Please write your answers on the answer booklet provided.

SEKSYEN A (Jumlah: 40 Markah)**ARAHAN:** Jawab SEMUA Soalan

Sila gunakan buku jawapan yang disediakan.

Soalan 1

Malaysia menuju ke arah masyarakat yang berintegrasi nasional. Namun usaha ini perlu melalui pelbagai proses integrasi. Huraikan secara terperinci mengenai **DUA (2)** proses integrasi yang anda ketahui bersama formula (sekiranya ada).

(10 markah)

Soalan 2

Rukun Negara menjadi rujukan dan garis panduan penting bagi sebarang dasar dan keputusan yang hendak dibuat oleh kerajaan. Berdasarkan pernyataan ini, terangkan **LIMA (5)** Prinsip Rukun Negara.

(10 markah)

Soalan 3

Bincangkan peranan bahasa yang dijadikan alat penyatuan antara kaum di Malaysia.

(10 markah)

Soalan 4

Terangkan istilah-istilah yang berikut:

- | | | |
|----|-------------------|------------|
| a) | Etnosentrisme | (2 markah) |
| b) | Stereotaip | (2 markah) |
| c) | Masyarakat Global | (2 markah) |
| d) | Segregasi | (2 markah) |
| e) | Negara bangsa | (2 markah) |

SEKSYEN B (Jumlah : 60 markah)

ARAHAN: Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

Soalan 1

Peristiwa 13 Mei 1969 tidak menguntungkan sesiapa kerana ramai yang terpaksa menanggung kerugian akibat kehilangan nyawa dan harta benda. Berdasarkan pernyataan ini, berikan **LIMA (5)** pengajaran yang dapat diambil daripada peristiwa ini.

(20 markah)

Soalan 2

Menurut Kinloch (1974), golongan minoriti dibezakan mengikut beberapa ciri yang tertentu. Terangkan ciri-ciri yang dimaksudkan beserta contoh yang sesuai.

(20 markah)

Soalan 3

Hak-hak istimewa orang Melayu adalah di bawah perlindungan Yang di-Pertuan Agong. Segala perubahan baharu berkenaan dengan hak-hak istimewa orang Melayu adalah berdasarkan persetujuan Raja-raja Melayu. Hak-hak istimewa orang Melayu adalah terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan pernyataan di atas, berikan **EMPAT (4)** hak istimewa orang Melayu.

(20 markah)

Soalan 4

Persekutuan pendidikan di Malaysia menyumbang kepada keberkesanan dalam meningkatkan perhubungan etnik. Bincangkan.

(20 markah)

END OF EXAMINATION PAPER